

**PEMERINTAHAN PAS DI KELANTAN 1959-1978:
KEKUATAN, KEMELUT DAN KEJATUHAN.**

CHE HASSAN BIN CHE YUSOFF

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2013

**PEMERINTAHAN PAS DI KELANTAN 1959-1978:
KEKUATAN, KEMELUT DAN KEJATUHAN.**

CHE HASSAN BIN CHE YUSOFF

**Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi syarat memperolehi Ijazah Sarjana
Sastera (M.A)**

JULAI 2013

PENAKUAN PELAJAR

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

CHE HASSAN BIN CHE YUSOFF
(681216-03-5023)
S-OM0040/09(R)
MEI 2013M

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Segala pujian bagi Allah SWT, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan keluarganya, para sahabatnya, guruku, alim ulamak dan para pejuang yang banyak berkorban harta dan nyawa demi menegakkan daulah Islamiyah di muka bumi ini.

Pengkaji memanjatkan kesyukuran kepada Allah kerana dengan limpah kurniaNya kajian ini dapat disiapkan. Pada kesempatan ini, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada beberapa pihak yang begitu banyak memberi sokongan dan kerjasama sama ada tenaga, moral, ilmu, bahan dan buah fikiran yang bernas samada secara langsung dan tidak langsung dalam usaha penulis sehingga dapat menghasilkan tesis ini. Hanya Allah yang mampu membalas budi baik kalian. Pertama-tamanya penulis dedikasikan dan kesekian kalinya terima kasih diucapkan kepada pensyarah penyelia, Profesor Madya Dr. Haji Ahmad Jelani bin Halimi dan Dr. Sah Hidayatan Ismail yang sabar membimbing penulis sehingga penulis dapat menghasilkan kajian ini. Tidak lupa kepada semua staff Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh dan Institut Pengajian Siswazah USM yang banyak membantu.

Selautan kasih diucapkan kepada Institusi dan kakitangan Pusat Dokumentasi Melayu Tengku Anis Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Wilayah Timur Kota Bharu, Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan, Arkib Negara Malaysia Kelantan, Perpustakaan Hamzah Sendut 1 dan 2 Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, Perpustakaan Tun Hamdan Tahir Universiti Sains Malaysia Kampus Kesihatan Kubang Kerian, Perpustakaan Islam Az-Zahra Kota Bharu, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri, Badan Perhubungan PAS Kelantan, Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Pejabat PAS Kawasan Pasir Mas, Perpustakaan Islam Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya Tingkat 9 Wisma Persekutuan, Jalan Bayam Kota Bharu, Kakitangan Pejabat Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan Kota Darul Naim, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, Pusat Kajian Strategik Kota Darul Naim dan individu-individu yang banyak menolong penulis dalam proses menghasilkan kajian ini. Kepada beberapa orang teman yang nama mereka tidak dapat penulis sebut satu persatu di sini, diucapkan terima kasih. Akhir sekali, semoga kajian ini dapat memanfaatkan kepada ilmu dan perkembangan Islam dan demokrasi di Malaysia. Segala yang baik dan sempurna itu daripada Allah dan apa yang lemah itu daripada kelemahan diri saya sendiri.

Che Hassan bin Che Yusoff
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh/Institut Pengajian Siswazah
Universiti Sains Malaysia
11800 Minden Pulau Pinang.(2013)

KANDUNGAN

	Halaman
Pengakuan Pelajar	i
Penghargaan	ii
Kandungan	iii-iv
Senarai Singkatan	v-viii
Abstrak	ix
Abstract	x
BAB SATU : PENGENALAN	1-44
1.1 Sejarah Penubuhan dan Perkembangan PAS di Malaysia	1
1.2 Kajian Lepas	26
1.3 Objektif Kajian	37
1.4 Soalan Kajian	38
1.5 Metodologi Kajian	40
1.6 Skop Kajian	42
1.7 Kepentingan Kajian	43
BAB DUA : KEKUATAN PEMERINTAHAN PAS DI KELANTAN	1-50
2.1 Sejarah Penubuhan dan Perkembangan PAS di Kelantan	1
2.2 Pilihan Raya dan Kerajaan Kelantan 1959-1964	8
2.3 Pemerintahan dan Pentadbiran PAS 1959-1964	15
2.4 Pilihan Raya dan Kerajaan Kelantan 1964-1969	25
2.5 Pemerintahan dan Pentadbiran PAS 1964-1969	32

BAB TIGA : KEMELUT PEMERINTAHAN PAS DI KELANTAN	1-43
3.1 Pilihan Raya dan Kerajaan PAS Kelantan 1969-1974	1
3.2 Pemerintahan dan Pentadbiran PAS 1969-1974	23
3.3 Pilihan Raya dan Kerajaan Campuran PAS-BN 1974-1978	32
BAB EMPAT: KRISIS PEMERINTAHAN BN 1974-1978	1-24
4.1 Pemerintahan dan Pentadbiran Kerajaan BN 1974-1978	1
4.2 Krisis Pemerintahan BN 1974-1978	7
BAB LIMA: KEJATUHAN PEMERINTAHAN PAS DI KELANTAN	1-23
5.1 Pilihan Raya Khas Kelantan 1978: Faktor-Faktor Kejatuhan	1
5.2 Pengunduran Datuk Mohd Asri Daripada Kepimpinan PAS	16
BAB ENAM: RUMUSAN	1-11
BIBLIOGRAFI	1-27
LAMPIRAN	

SENARAI SINGKATAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
AKIM	Angkatan Keadilan Insan Malaysia
API	Angkatan Pemuda Insaf
APIUM	Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
APU	Angkatan Perpaduan Ummah
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BA	Barisan Alternatif
BATAS	Barisan Petani Se-Malaya
BBB	Barisan Bebas Bersatu
BERJASA	Barisan Jamaah Islamiyah Se-Malaysia
BMA	<i>British Military Administration</i>
BN	Barisan Nasional
CCC	Majlis Perundingan Cina
CIA	<i>Central Intelligence Agency</i>
CLC	<i>Communities Liaison Committee</i>
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
D.O	<i>District Officer/Pegawai Daerah</i>
DUN	Dewan Undangan Negeri
FELDA	<i>Federal Land Development Authority/Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan</i>
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
GERAK	Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia
GERAKAN	Parti Gerakan Rakyat Malaysia

GRP	Gerakan Rakyat Pattani
HAMIM	Hizbul Muslimin Malaysia
Hisbul Muslimin	Parti Orang-Orang Muslimin Malaya
IMAM	Partai Ikatan Muslimin Insaf Malaysia
IMP	<i>Independence Malayan Party</i>
IUM	<i>International Islamic University Of Malaysia</i>
IRC	<i>Islamic Representative Council</i>
ISA	<i>Internal Security Act/Akta Keselamatan Dalam Negeri</i>
JASA	Jabatan Sekolah-Sekolah Agama Kelantan
JPP	Jabatan Pembangunan Persekutuan
KADA	<i>Kemubu Agricultural Development Authority</i>
KBC	<i>Kelantan Baja Corporation</i>
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KDYMM	Kebawah Duli Yang Maha Mulia
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KESEDAR	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
KITA	Kesatuan Insaf Tanah Air
KITA	Parti Keadilan Insan Tanah Air
KMM	Kesatuan Melayu Muda
LKTN	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
MAIK	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
MATA	Majlis Tertinggi Agama Malaya
MASJUMI	Majlis Shura Muslimin
MCA	<i>Malayan Chinese Association</i>
MCP	<i>Malayan Communist Party</i>

MIC	<i>Malayan Indian Congress</i>
MPKB-BRI	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam
MSF	<i>Malayan Social Front</i>
PAKATAN	Persatuan Anak Kelantan di Perantauan
PAP	<i>People Action Party</i>
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PB	Parti Buruh
PBS	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
PEKEMAS	Parti Keadilan Masyarakat
PEKEMBAR	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
PETA	Pembela Tanah Air
PETIR	Parti Tindakan Rakyat
PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad
PKMJ	Persekutuan Kebangsaan Melayu Johor
PKINK	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
PKPIM	Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia
PMIP	<i>Pan-Malayan Islamic Party</i>
PMJ	Persatuan Melayu Johor
PMK	Persatuan Melayu Kelantan
PN	Parti Negara
PPMK	Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan
PR	Pakatan Rakyat
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PSRM	Parti Sosialis Rakyat Malaysia
PTM	Persekutuan Tanah Melayu
PULO	<i>Pattani United Liberation Organisation</i>

PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PKPIM	Pertubuhan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia
PKR	Parti KeADILan Rakyat
PMS46	Parti Melayu Semangat 46
PMS	Persatuan Melayu Singapura
PPP	Parti Progresif Penduduk/ <i>People Progressive Party</i>
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
SCA	<i>Sabah Chinese Association</i>
SF	<i>Socialis Front</i>
SNAP	<i>Sarawak National Party</i>
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SUPP	<i>Sabah United People's Party(Berjaya)</i>
SUPP	<i>Chinese Sarawak United People's Party</i>
UDP	<i>United Democratic Party</i>
UMCO	<i>United Malaysia Chinese Organization</i>
UMNO	<i>United Malays National Organization</i>
UMNO (Baru)	<i>United Malays National Organization(Baru)</i>
UMO	<i>United Malays Organisation</i>
USNO	<i>United Sabah National Organisation</i>
YAB	Yang Amat Berhormat
YB	Yang Berhormat
YIK	Yayasan Islam Kelantan
YPINK	Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan
YPTIK	Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan
YTM	Yang Teramat Mulia

PEMERINTAHAN PAS DI KELANTAN 1959-1978: KEKUATAN, KEMELUT DAN KEJATUHAN

ABSTRAK

Kelantan merupakan sebuah negeri yang amat menarik sekali untuk dikaji tentang perkembangan politiknya. Namun apa yang menarik itu bagaimanapun masih gagal untuk mendorong para pengkaji politik tempatan membuat kajian terperinci mengenainya, khususnya aspek pemerintahan PAS di Kelantan dari 1959 ke 1978 yang merangkumi aspek kekuatan, kemelut dan kejatuhannya secara spesifik. Kajian ini akan cuba meneliti perkembangan pemerintahan PAS di Kelantan antara tahun 1959-1978 yang jarang dilakukan oleh pengkaji lain sebelum ini. Kajian ini juga tidak mengabaikan dan akan meneliti faktor-faktor kejatuhan pemerintahan PAS di Kelantan pada tahun 1978 sehingga diambil-alih semula oleh UMNO-Barisan Nasional. Sejarah politik dan pemerintahan di Kelantan hanya melibatkan Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan *United Malays National Organisation* (UMNO). Dua parti terbesar Melayu-Islam inilah yang mendominasi fahaman dan pegangan politik rakyat Kelantan. Kelantan terkenal dengan rakyat yang kuat agama. Kewujudan banyak pusat pengajian pondok di Kelantan telah menyebabkan ia diberi gelaran Serambi Mekah, Tanah Serendah Sekebun Bunga dan sinonim dengan gelaran Negeri Tadahan Wahyu. Begitulah dengan watannya yang mempunyai semangat jati diri Melayu-Islam yang tinggi. Kelantan adalah antara negeri yang unik kerana sebelum merdeka pernah melalui likuan sejarah di bawah naungan kuasa Siam sebelum 1909. Selepas itu dinaungi oleh penjajah Inggeris melalui Perjanjian Bangkok 1909 sehinggalah merdeka pada 31 Ogos 1957. Menjelang merdeka, satu pilihan raya Persekutuan 1955, dengan kuasa politik yang ada pada rakyatnya telah memberi mandat kepada UMNO-Perikatan mentadbir dan memerintah Kelantan. Walau bagaimanapun, pada pilihan raya pertama 1959 selepas merdeka berlaku perubahan Kerajaan Negeri kepada Parti Islam SeMalaysia (PAS) setelah diberi mandat oleh rakyat Kelantan untuk menerajui kuasa politik negeri. Mandat kuasa kepada PAS itu berterusan sehinggalah tercetus politik darurat pada tahun 1977 yang menyaksikan mandat ini beralih kepada UMNO-Barisan Nasional. Kemelut politik itu telah membawa kepada kelahiran parti BERJASA dan HAMIM yang merupakan serpihan daripada PAS. Namun demikian, BERJASA dan HAMIM tidak bertahan lama dalam arena politik. Tidak keterlaluan jika dikatakan rakyat Kelantan kuat berpolitik. Hal ini jelas dapat dilihat dengan mereka sudah beberapa kali menukar parti bagi membentuk kerajaan di negeri tersebut.

Kata Kunci: PAS, UMNO, Kekuatan, Kemelut dan Kejatuhan

GOVERNING PAS IN KELANTAN 1959-1978: STRENGTH, TURMOIL AND DOWNFALL

ABSTRACT

Kelantan is a state that is very intriguing to review its political developments. But what is more interesting, however, is that it has failed to induce the local political researchers to make an indepth study of *Parti Islam SeMalaysia* (PAS) rule in Kelantan since 1959 to 1978. This study examines the development of PAS rule in Kelantan between the years of 1959-1978 which rarely done by other researchers before. This study will also examine the factors that caused the collapse of PAS's governing in Kelantan in 1978 and this led to the UMNO-BN stewardship of the state. The political dan governmentian history of Kelantan only involved PAS and UMNO (United Malays National Organisation). These two large Malay-Muslim parties dominate the ideology and political belief of the people of Kelantan. Kelantan is well known for its fervent religious population. The existence of many *pondoks* institutions has led it to be nicknamed as *Serambi Mekah* (Veranda of Mecca). Kelantan is also known as *Tanah Serendah Sekebun Bunga* and synonymous with the *Negeri Tadahan Wahyu*. Such is the noble character and its part of the Malay-Muslim psyche and dignity. Kelantan is also a unique states of Malaysia whereby before 1909, the state was a colony of Thailand. With the terms stated in the Bangkok Agreement of 1909, Kelantan was seceded to the British by the Thai's government. The Federal election of 1955, preceding independence (1957), the people of Kelantan had give UMNO-*Perikatan* party the mandate to govern the state. However, in the first elections after independence in 1959, the state fell to the *Parti Islam SeMalaysia* (PAS). The mandate was carried on by PAS until 1977 when certain events that happened in the state triggered a political emergency and saw the mandate shifted to the UMNO-Barisan National. The events also caused a split in PAS and its members forming splinter parties such as BERJASA and HAMIM. BERJASA and HAMIM were not strong and did not lase long. Nevertheless, the people of Kelantan were very political minded and this had been proven by the people giving the mandate to different parties to rule the state.

Keywords: PAS, UMNO, Strength, Turmoil and Downfall.

BAB SATU: PENGENALAN

1.1 Sejarah Penubuhan dan Perkembangan PAS di Malaysia

Dalam bab ini, pengkaji akan membincang dan menumpukan kajian tentang sejarah awal yang membawa kepada penubuhan Parti Islam SeMalaysia (PAS). Hasil kajian ini lebih bermakna jika diketahui asal-usul sejarah awal PAS sehingga dapat menempatkannya dalam persada politik negara yang pernah diberi mandat memerintah Kelantan dan Terengganu¹ buat pertama kalinya selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan antara tahun 1959-1978. Ruang lingkup kajian pemerintahan PAS akan dibahagikan kepada tiga bahagian/bab utama. Bab Satu meliputi pengenalan yang berkaitan dengan sejarah ringkas penubuhan dan perkembangan PAS di Tanah Melayu/Malaysia. Seterusnya diikuti dengan instrumen dan proses penulisan tesis yang merangkumi Kajian Lepas, Objektif Kajian, Permasalahan Kajian, Metodologi Kajian, Skop/Limitasi Kajian, dan Kepentingan Kajian.

Seawal abad ke-20, kesedaran politik Melayu-Islam telah muncul di Tanah Melayu dalam usaha memperjuangkan kedudukan Islam dan bangsa Melayu. Penentangan golongan ulama terhadap penjajah dipelopori dan digerakkan di negeri Pantai Timur. Umpamanya di Terengganu, berlaku kebangkitan oleh Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbong pada tahun 1928 yang mengibarkan bendera Khilafah Uthmaniah.² Begitu juga di Kelantan,

¹ PAS hanya bertahan memerintah Terengganu sehingga tahun 1961 apabila beberapa ADUN PAS dan Parti Negara melompat dan menyertai UMNO-Perikatan sehingga Menteri Besar YAB Daud Samad (ADUN Jerteh) bersama kerajaannya terpaksa menyerahkan semula pemerintahan kepada kerajaan UMNO-Perikatan setelah menghadapi undi tidak percaya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu walaupun penggal tersebut belum tamat.

² Riduan Mohamad Nor, 2007. *Ulama' Dalam Sorotan Perjuangan Kemerdekaan*. Batu Caves: MHI Publication, hlm 107.

sejarah telah terakam dengan kebangkitan ulama di bawah pimpinan Tuan Guru Haji Hassan bin Munas atau lebih dikenali sebagai Tok Janggut pada tahun 1915. Kebangkitan ulama Tanah Melayu juga mengakar dari simbahan kebangkitan ulama Islam yang berlaku di seluruh dunia.³ Kewujudan Parti Islam SeMalaysia (PAS) ini adalah atas dasar kesedaran perjuangan Islam yang dimulakan oleh Hizbul Muslimin yang ditubuhkan pada tahun 1948 dan Majlis Tertinggi Agama Malaya (MATA) yang merupakan kelangsungan perjuangan menuntut kemerdekaan daripada penjajah oleh Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Kepimpinan pertubuhan-pertubuhan ini melibatkan tiga golongan yang berlainan ideologi; yakni nasionalis melalui Dr. Burhanuddin al-Helmy (PKMM), golongan agama pula melalui Abu Bakar al-Baqir (Hizbul Muslimin) dan golongan sasterawan melalui pendeta Zaaba (penulisan karya sastera) bagi menyedarkan masyarakat Melayu untuk merdeka.⁴

Secara umumnya PAS adalah sebuah parti politik dakwah yang memperjuangkan Islam⁵ secara menyeluruh merangkumi bidang ekonomi, politik, pentadbiran, perundangan, kehakiman dan amalan kehidupan serta sosialisasi ummah yang digerakkan pada awalnya oleh ulama. Memartabatkan Islam sebagai *ad-deen* dijadikan teras dan dasar perjuangan semasa ditubuhkan pada tahun 1951 dan sebagai parti politik bermula tahun 1955.⁶ PAS ditegakkan sebagai wadah politik dalam menentukan hala tuju Melayu di Persekutuan Tanah Melayu (PTM) khususnya di negeri Kelantan amnya. Dalam konteks Malaysia,

³ Riduan Mohamad Nor, 2011. *Menerjang Badai: 60 Tahun Mempersada Perjuangan*. Kuala Lumpur: Jundi Resource, hlm 3.

⁴ Muhaimin Sulam, 2012. *Mat Indera: Petualang atau Pejuang*. Kuala Lumpur: Jundi Resource, hlm 46.

⁵ Perlembagaan PAS 1955, Fasal 4, Ceraian I dan II.

⁶ Undang-Undang Tubuh PAS 1955.

bagi mencernakan matlamat tersebut, landasan demokrasi⁷ menjadi pilihan PAS untuk mendapat kuasa dengan penyertaannya dalam pilihan raya. PAS sendiri dan saingan politiknya iaitu *United Malays National Organization* (UMNO) atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) (selepas ini dirujuk sebagai UMNO) masing-masing ditegakkan atas dasar yang hampir sama, tetapi pendekatan politiknya sedikit berbeza. PAS telah terbukti dan berjaya memerintah Kelantan khususnya antara tahun 1959 hingga 1978, manakala UMNO kekal memerintah Kerajaan Pusat dari tahun 1955 sehingga hari ini walaupun pernah memerintah Kelantan cuma satu penggal yakni antara tahun 1955-1959.⁸ Penulis akan menyentuh tentang sejarah penubuhan PAS yang bermula pada tahun 1953 dan pemerintahannya di Negeri Kelantan dalam lingkungan tahun-tahun 1959-1978 yang akan menjadi tumpuan dan kajian kes dalam kajian ini. Aspek kekuatan, kemelut dan kejatuhannya akan diberi fokus utama dalam kajian ini.

Kejayaan dan kegagalan PAS semenjak sebelum merdeka iaitu bermula Pilihan Raya Umum Pertama 1955 sehingga Pilihan Raya Umum Ke-2 selepas merdeka pada tahun 1959 akan diketengahkan. PAS wujud dalam usaha bagi membela dan memperkasakan orang Melayu di negara ini, khususnya di negeri Kelantan. Kesanggupannya mewujudkan Kerajaan Campuran PAS-Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional pada tahun 1973 sehingga kejatuhannya pada 11 Mac 1978 kerana krisis politik yang berlaku di samping

⁷Asal kata Demokrasi boleh dikembalikan kepada zaman Yunani Kuno (Greek), yang terdiri daripada susunan tarkib mazji (susunan dua suku kata atau lebih yang menunjukkan makna khas), dari kata: *Demos* yang bererti rakyat, dan *Cratos* yang bererti kekuasaan (pemerintahan). Keduanya adalah pemerintahan rakyat. Keterangan lanjut sila rujuk Dr. Mahmud Al-Khalidi, 2001.(Terjemahan Abu Falah) *Demokrasi Musuh Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada, hlm 13, 14 dan 15.

⁸ Untuk rekod, UMNO-Perikatan selepas memerintah Kelantan pada tahun 1955 sehingga 1959 sebelum jatuh ke tangan PAS pada tahun 1959, parti ini dapat berkuasa semula di Kelantan pada tahun 1978 sehingga tahun 1990. Bermula tahun 1990, PAS bersama Parti Melayu Semangat 46, HAMIM dan BERJASA melalui gabungan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) / Barisan Alternatif (BA) memerintah kembali Kelantan sehingga tahun 1995. Pada pilihan raya 1999-2004 PAS memerintah Kelantan secara bersendirian dan pada pilihan raya 2008, PAS dengan Parti Keadilan Rakyat (PKR) membentuk gabungan yang dinamakan Pakatan Rakyat (PR) memerintah Kelantan dan masih dapat mengekalkan pemerintahannya selepas Pilihan Raya Umum ke-13 pada 5 Mei 2013.

campur tangan UMNO akan dibincangkan dalam kajian ini. Rekod pemerintahan PAS di Kelantan yang panjang tidak dapat diatasi oleh parti lain termasuk UMNO.⁹

Maurice Duvenger menyatakan perbezaan pegangan ideologi ini mewujudkan dua ideologi sebagai sistem idea, pendapat dan keyakinan yang akan saling bertentangan.¹⁰

Bahkan para pemimpin dan penggerak UMNO adalah terdiri daripada para elitis berpendidikan Barat dan tempatan. Manakala PAS lebih fokus dan berideologi kepada pemertabatan perjuangan Islam melalui dakwah¹¹ tanpa mengetepikan perjuangan hak serta keistimewaan orang Melayu, Bahasa Melayu sebagai bahasa resmi negara dan kedudukan Raja-Raja Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Para pemimpin dan penggerak parti ini majoritinya terdiri daripada kalangan ulama¹² yang berpendidikan agama sama ada dari Asia Barat, Timur Tengah mahupun tempatan.

Menyoroti penubuhan UMNO adalah sesuatu keperluan memandangkan PAS mempunyai hubungan dengan parti tersebut. UMNO¹³ ditubuhkan di Johor Bahru pada 11 Mei 1946 hasil gabungan pertubuhan dan kesatuan Melayu seluruh Semenanjung

⁹.Untuk rekod, UMNO-Perikatan hanya dapat memerintah Kelantan antara tahun 1955-1959 dan berkuasa kembali pada tahun 1978-1990 sebelum dirampas kembali oleh PAS, Hamim, Berjasa dan Parti Melayu Semangat 46 dalam gagasan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) di Pantai Timur dan PAS serta DAP dalam gagasan Barisan Alternatif (BA) pada tahun 1990. APU dan BA hanya bertahan hingga tahun 1996 dan selepas itu PAS memerintah bersendirian tanpa gabungan dengan parti pembangkang lain.

¹⁰ Safie Bin Ibrahim, 1981. *The Islamic Party of Malaysia its Formative Stages and Ideology*. Kota Bharu: Penerbit Nauwi bin Ismail, hlm 69.

¹¹ Dakwah yang dimaksudkan di sini ialah dakwah dalam pengertian yang luas dan umum iaitu tidak hanya terbatas kepada kegiatan-kegiatan penerangan atau majlis-majlis berkala seperti forum, diskusi, atau majlis-majlis lain yang bersifat rasmi yang diadakan bersempena dengan hari-hari perayaan tertentu, malah merangkumi kegiatan-kegiatan keilmuan atau halaqah pengajian yang berjalan secara rutin, tetap, dan teratur dalam jangka waktu yang panjang dan lama. Keterangan dan maklumat lanjut sila rujuk Abdul Razak Mahmud, 2010. *MAIK Peranannya Dalam Bidang Keagamaan, Persekolahan, dan Penerbitan Di Kelantan Sehingga 1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 194.

¹² Ulama mempunyai syarat bagi seseorang untuk dikatakan sebagai alim (berilmu) tentang Allah yang Maha Pengasih di antara hamba-hambanya ialah tidak mensyirikkan Allah, menghalalkan dan mengharamkan sebagaimana ditetapkan Allah, menjaga dan memelihara tuntutan dan kehendak Allah, meyakini bahawa Allah akan menemuinya dan menghisab amal perbuatannya (Tafsir Ibnu Katsir, hlm 6/544).

¹³ *United Malays National Organisation* (UMNO) ditubuhkan atas kesedaran politik orang Melayu setelah British mencadangkan penubuhan *Malayan Union* pada 1 April 1946 yang merupakan satu sistem pentadbiran awam bagi menggantikan pentadbiran tentera British (BMA). Tujuan *Malayan Union* adalah untuk menggabungkan sembilan buah negeri Melayu bersama-sama Melaka dan Pulau Pinang, negeri naungan British, menjadi negeri jajahan yang akan diketuai oleh seorang gabenor British. Keterangan lanjut sila rujuk R.S Milne dan Diane K.Mauzy, 1982. *Politik dan Kerajaan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia, hlm 35.

termasuk Persatuan Melayu Singapura (PMS) atas kesedaran semangat nasionalisme Melayu untuk menentang rancangan *Malayan Union*¹⁴ yang dirancang oleh penjajah British. UMNO bergantung kepada sokongan kuasa struktur tradisi elitis masyarakat Melayu, bekas Pesuruhjaya Tinggi dan pegawai-pegawai kanan perkhidmatan awam kolonial lain seperti Sir Frank Swettenham, Sir Cecil Clementi, Sir George Maxwell dan Sir Richard Winstedt yang bersara dan tinggal di Britain, maka golongan ini memberi sokongan penuh terhadap perjuangan UMNO.¹⁵

Akibat daripada tentangan yang dianjurkan oleh UMNO terhadap *Malayan Union*, maka pada Julai 1946, Inggeris telah bersetuju untuk membentuk sebuah Jawatankuasa Kerja.¹⁶ Jawatankuasa itu terdiri daripada 6 orang wakil kerajaan, 2 orang wakil UMNO dan 4 orang wakil Raja-Raja Melayu dan dipengerusikan oleh Malcolm Mac Donald, Pesuruhjaya Agung bagi Asia Tenggara, untuk merangka perlembagaan lain sebagai ganti perlembagaan *Malayan Union*.¹⁷ Akhirnya penjajah Inggeris bersetuju mengikut kehendak rakyat Tanah Melayu dengan memansuhkan *Malayan Union* dan digantikan dengan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu berkuatkuasa pada Februari 1948.¹⁸

PAS pula ditubuhkan pada 24 November 1951 hasil persetujuan Persatuan Ulama Se-

¹⁴ *Malayan Union* ditubuhkan pada 1 April 1946 di *King's House* (Carcosa Seri Negara sekarang) akan menggabungkan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat bagi menggantikan British Malaya. Manakala Singapura diasingkan daripada pentadbiran *Malayan Union* (MU) dan dikekalkan sebagai tanah jajahan British. Raja-Raja Melayu akan hanya berkuasa dalam bidang agama Islam dan adat istiadat orang Melayu sahaja. Atas desakan pertubuhan Melayu dan UMNO, akhirnya *Malayan Union* dibatalkan pada 1 Februari 1948 dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu / *Federation Of Malaya* 1948. Keterangan lanjut sila rujuk *Ibid*, R.S Milne dan Diane K.Mauzy, hlm 35-38. Lihat juga Mohamad Ali Kamaruddin, 2004. *Penaungan Dalam Kepimpinan Politik Melayu UMNO Kelantan 1946-1990*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 67-68.

¹⁵ Mohamed Noordin Sopiee, 1974. *From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in the Malaysian Region*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, hlm 12 dan 16.

¹⁶ Leon Comber, (terjemahan Omardin Haji Ashaari) 2011. *Peristiwa 13 Sejarah Perhubungan Melayu-Cina*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd, hlm 62.

¹⁷ Tan Cheng Lock, 1947. *Malayan Problem: From a Chinese Point of View*. Singapura: Tannso, hlm 71.

¹⁸ Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 merupakan asas kepada Perlembagaan Malaysia yang ada pada hari ini yang menjamin kedudukan 'hak istimewa' orang-orang Melayu dan Islam agama resmi negara dan 'kepentingan hak' orang-orang bukan Melayu serta Raja-Raja Melayu telah diiktiraf sebagai raja yang berdaulat. Keterangan lanjut, rujuk R.S Milne dan Diane K.Mauzy, *op.cit.*, hlm 38-39 & 42.

Tanah Melayu di Pulau Pinang. Perlu dicatatkan di sini bahawa sebelum kelahiran UMNO¹⁹ dan PAS sebagai pertubuhan yang berjuang menuntut kemerdekaan daripada penjajah British telah wujud Kesatuan Melayu Muda (KMM)²⁰ di bawah pimpinan Ibrahim Haji Yaakub²¹ dan Ishak Haji Mohamad (Pak Sako) serta Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmy. Sebelum PAS lahir, perjuangan menerusi parti politik yang menekankan soal agama Islam telah pun dimulakan oleh Hizbul Muslimin pada tahun 1948 bertempat di Gunung Semanggol, Perak.²²

Politik di Tanah Melayu amat mencabar sekali selepas Perang Dunia Kedua. Sekembalinya British ke Tanah Melayu telah memaksa Raja-Raja Melayu menyerahkan

¹⁹ Untuk rekod, penubuhan UMNO pada 11 Mei 1946 di Istana Besar Johor Bahru adalah atas kesedaran untuk memperjuangkan kepentingan orang Melayu dan Islam setelah British mencadangkan gagasan *Malayan Union* pada tahun 1946. Dato' Onn bin Jaafar telah dilantik sebagai Yang DiPertua Agung UMNO pertama setelah penubuhan UMNO secara resmi serta dipersetujui oleh semua persatuan Melayu seluruh Malaya termasuk Singapura. UMNO menerajui pemerintahan negara sebelum merdeka iaitu selepas pilihan raya pertama tahun 1955 dan selepas merdeka, pilihan raya pertama Tanah Melayu dilangsungkan pada tahun 1959, UMNO dapat mengekalkan kuasa pemerintahan di Malaysia sehingga pilihan raya tahun 1986. Pada tahun 1987, UMNO yang ditubuhkan di Johor Bahru telah diharamkan oleh mahkamah kerana pendaftarannya telah dibatalkan disebabkan oleh kemelut dan perpecahan akibat perebutan kuasa dalam pertandingan merebut jawatan Presiden UMNO antara Team A yang diketuai oleh Tun Dr. Mahathir Mohammad dan Tun Musa Hitam dengan Team B yang diketuai oleh YBM Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah. Dalam pertandingan merebut jawatan itu Presiden UMNO, Tengku Razaleigh Hamzah kalah kepada Tun Dr. Mahathir sebanyak 45 undi dan beliau dipecat oleh Tun Dr. Mahathir ketika itu masih memegang jawatan Perdana Menteri. Akibat kekecewaan itulah, Tengku Razaleigh Hamzah telah menubuhkan parti baru Parti Melayu Semangat 46 (PMS46) mengambil sempena semangat penubuhan UMNO pada tahun 1946 di Johor Bahru. Manakala Tun Dr. Mahathir Mohamad juga telah mendaftar dan menubuhkan parti baru yang dinamakan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau *United Malays National Organisation* (UMNO Baru) pada tahun 1989 bagi menggantikan UMNO yang telah diharamkan oleh mahkamah.

²⁰ Kesatuan Melayu Muda (KMM) ditubuhkan pada Mei 1937 di Kampung Baru Kuala Lumpur dengan Presidennya Ibrahim Haji Yaakub, Naib Presiden, Mustapha Hussein, Setiausaha Agung, Hassan Manan, Setiausaha, Othman Md Nor dan beberapa AJK lainnya. Penubuhan dan tarikh ini adalah terdapat dalam catatan buku Muhammad Yusuf Harun, 1979 dalam "*Pergolakan Guru Dengan Politik Tanah Melayu*", dalam *Seminar Bersama KGMMB dan JPM* pada 6-7 April 1979 hlm 1-14 yang menyatakan bahawa KMM ditubuhkan melalui satu mesyuarat di Sekolah Melayu Gombak Lane, Kuala Lumpur. KMM ditubuhkan berasaskan ideologi dan berlandaskan demokratik-sosialisme untuk melawan penjajah British, anti-feudal, anti-birokrat Malaya yang berorientasikan Barat. Pada Disember 1941, KMM berkerjasama dengan *Malayan People Anti Japanese Army* (MPAJA) untuk menentang penjajahan Jepun dan pada tahun 1942, KMM diharamkan oleh Jepun kerana mempelopori perjuangan kemerdekaan Malaya. Keterangan lanjut sila rujuk Alias Muhammad, 1977. *Intelijensia Melayu Kelantan*. Kota Bharu: Mohd Nawi Book Store, hlm 72; Mohammed Salleh Lamry, 2009. *Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 47-49 dan Ishak Saat, 2007. *Sejarah Politik Melayu Pelbagai Aliran*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn.Bhd, hlm 84-87. Namun mengikut Insun Sony Mustapha, 1999, melalui bukunya *Memoir Mustapha Hussain: Kebangkitan Nasionalisme Melayu Sebelum UMNO*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka hlm 198 menyatakan bahawa KMM ditubuhkan pada April 1938 di Kuala Lumpur dalam satu mesyuarat yang diadakan di rumah Hassan Manan, sebuah rumah kerajaan yang terletak di Jalan Pasar, Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, Firdaus Haji Abdullah, 1985. *Radical Malay Politics: Its Origin And Early Development*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications, hlm 64 merumuskan bahawa pembentukan KMM bermula pada tahun 1937 dan didaftarkan secara rasmi pada tahun 1938.

²¹ Ibrahim Haji Yaakub dilahirkan pada 27 November 1911 di Kampung Sebelah, Mukim Kertau, Temerloh Pahang. Ayahnya bernama Haji Yaakub dan ibunya Hawa binti Hussain. Keterangan lanjut sila rujuk Bachtiar Djamily, 1985. *Ibrahim Yaakub Pahlawan Nusantara*, Kuala Lumpur: Pustaka Budiman Sdn Bhd, hlm 30.

²² A.M Noor dan A.Z Alias, 2008. *Sejarah Penubuhan PAS Kelantan*. Kota Bharu: Cikgu Alias Mohd Noor, hlm 9.

negeri-negeri kepada mahkota British melalui *Malayan Union* hasil tipu helah utusan British iaitu Harold Mac Michael. Hasrat perjuangan PKMM²³ ialah untuk menuntut kemerdekaan daripada British.²⁴ PKMM telah ditubuhkan pada 17hb Oktober 1945 di Ipoh dan dipimpin oleh Mokhtaruddin Lasso, Burhanuddin al-Helmy dan Ishak Haji Muhammad. Parti ini ditubuhkan berteraskan semangat Melayu Raya atau Indonesia Raya.²⁵ PKMM mempunyai beberapa sayap seperti Angkatan Pemuda Insaf (API)²⁶ yang dipimpin Ahmad Boestamam. API adalah pertubuhan radikal dan perkara ini diakui sendiri oleh Ahmad Boestamam katanya;

“...Angkatan Pemuda Insaf (API) telah ditubuhkan pada tanggal 17.2.46 di Ipoh dengan tenaga dan kemahuan 3 orang pemuda yang mempunyai tanggungjawab yang penuh terhadap bangsa dan tanah air, yang radikal jiwanya iaitu:- 1. Sdr. Ahmad Boestamam, 2. Sdr. A. Rahman Abdul Rahim, dan 3. Sdr. A. Bakar Thareek...”²⁷

Dengan kewujudan pertubuhan radikal ini menambahkan lagi kebimbangan British. Dasar British adalah bagi menumbangkan gerakan yang berunsur agama daripada bertapak di Tanah Melayu dan mengekalkan parti yang sekular²⁸ mengikut acuan dan kehendaknya. Perkembangan ini dapat dilihat dengan wujudnya gerakan-gerakan Islam di

²³ PKMM memperjuangkan gagasan Melayu Raya yang akan mencantumkan Tanah Melayu, Indonesia dan Brunei dalam satu rumpun Melayu. Gagasan Melayu Raya juga disokong oleh para pelajar dan guru lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) Tanjung Malim pada akhir tahun 1920-an, dan individu dari Sumatera dan Pulau Jawa termasuk Profesor Mohammad Yamin dan Sukarno pada tahun 1950-an. Keterangan lanjut sila rujuk buku McIntyre, Angus, 1973. *The 'Greater Indonesia' Idea Of Nationalism In Malaysia and Indonesia: Modern Asia Studies* 7(1), hlm 75-83.

²⁴ Ismail Said, 2008. *Dr. Burhanuddin Al-Helmi: Pahlawan Melayu Sejati*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn.Bhd, hlm 17.

²⁵ Abdul Rahman Haji Abdullah, 1994. *Gerakan Anti Penjajahan di Malaysia 1511-1950: Pengaruh Agama dan Tariqat*. Kuala Lumpur: Publication Kintan Sdn. Bhd, hlm 126.

²⁶ Angkatan Pemuda Insaf (API) ditubuhkan pada 17 Februari 1946, di Ipoh Perak oleh Ahmad Boestamam, Abdul Rahman Rahim dan Bakar Thareek . API diharamkan oleh British pada 17 Julai 1947 mengikut *Societies Ordinance 1947* kerana berhaluan politik kiri dan sosialis Melayu dan juga merupakan sayap PKMM. Keterangan lanjut sila rujuk Mohamed Salleh Lamry, *op.cit.*, hlm 75-77.

²⁷ Petikan tulisan bertajuk “Testament Politik API” oleh Ahmad Boestamam dalam *Majallah Nadi Insan* , keluaran Februari 1981, hlm 28.

²⁸ Sekular sebenarnya berasal daripada bahasa Latin iaitu ‘*saeculum*’ yang membawa maksud terkini, moden dan apa yang ada pada masa sekarang. Apa yang lama dianggap tidak relevan khususnya ajaran-ajaran agama yang berusia ribuan tahun. Oleh itu sekular dapat didefinisi dan diterjemahkan sebagai satu gerakan sosial yang mempunyai matlamat membawa manusia daripada mementingkan kehidupan akhirat kepada mementingkan dunia. Dengan kata lain, sekular merupakan satu fahaman yang menganggap urusan keagamaan atau ketuhanan tidak harus dicampurkan dengan urusan negara, politik dan kenegaraan. Sekular merupakan satu fahaman yang bersifat keduniaan dan menafikan peranan agama dalam kehidupan. Berasaskan kepada tafsiran itu maka fahaman sekularisme adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Dalam Islam, urusan agama tidak boleh dipisahkan daripada politik, ekonomi, pendidikan dan semua perkara yang dilakukan oleh manusia. Sebarang bentuk pemisahan yang dilakukan akan menyebabkan ajaran Islam pincang dan tidak sempurna. Keterangan lanjut sila rujuk Abdul Hadi Awang, 2007. *10 Ancaman Terhadap Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan PAS Pusat, hlm 19-20.

Nusantara seperti Gabungan Rakyat Pattani (GRP) dan *Pattani United Liberation Organisation* (PULO) di Thailand.²⁹ Begitu juga halnya dengan di Indonesia, wujudnya Sarekat Islam dan Muhammadiyah yang menjadi ikutan kesedaran politik di Tanah Melayu.

Namun kehadiran anggota Parti Komunis Malaya (PKM) dalam kumpulan politik kiri telah mencemarkan reputasi parti berhaluan kiri tersebut.³⁰ Hizbul Muslimin didukung oleh para cerdik pandai Islam telah berusaha menggunakan nilai dan syariat Islam melalui badan-badan ekonomi dan pendidikan untuk diterapkan serta disebar ke seluruh Semenanjung, melalui badan-badan yang menyokongnya seperti PEPERMAS, LEPIR dan MATA.³¹ Dato' Onn Jaafar selaku Yang Dipertua Agung UMNO, bersetuju dengan British bagi mengharamkan Hizbul Muslimin yang dianggap sebagai "Parti Islam Merah" kerana didakwa bersekongkol dengan Komunis.³² Beliau mengidentifikasikan Hizbul Muslimin sebagai 'Bahaya dari Gunung', apabila dikesan telah berkerjasama dengan PKM³³ dan PKMM.

²⁹ Gabungan Rakyat Pattani (GRP) ditubuhkan pada tahun 1947 dan diketuai oleh Haji Sulong bin Abdul Kadir selaku Presiden Majlis Hal Ehwal Agama Islam Wilayah Pattani. Kebangkitan rakyat Selatan Thailand terhadap pemerintah Thailand ini diteruskan pula dengan penubuhan *Pattani United Liberation Organisation* (PULO) pada tahun 1967 yang mewakili aspirasi perjuangan berpemerintahan sendiri untuk 4 wilayah majoriti Melayu-Islam seperti Satun, Yala, Pattani dan Narathiwat. Keterangan lanjut, sila rujuk tulisan Norhasram Mohamad dalam ruangan Rencana *Sinar Harian* bertarikh 19 Oktober 2011, hlm K10.

³⁰ Ramlah Adam, 1999. *Sumbanganmu Dikenang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 145.

³¹ *Ibid*, Ramlah Adam, hlm 145.

³² Nabil Abdullah, 1976. *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*. Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 188-199; dan John Funston, 1980. *Malay Politics In Malaysia A Study of UMNO and PAS*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books, hlm 119.

³³ Bintang Tiga: Parti Komunis Malaya (PKM) telah menubuhkan Tentera Rakyat Malaya Anti-Jepun (MPAJA) yang lebih dikenali sebagai Bintang Tiga semasa pendudukan Jepun, majoriti ahlinya adalah orang Cina. PKM ditubuhkan pada Mei 1930 di Kuala Pilah Negeri Sembilan. Keterangan lanjut sila rujuk Mohammed Salleh Lamry, *op.cit.*, hlm 42-46; lihat juga Badlihisam Mohd Nasir, 2009. *Dinamisme Gerakan Islam dan Cabaran Semasa*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd, hlm11.

Laporan pihak British menyatakan PKMM menerima sumbangan daripada PKM sebanyak 100,000.00 ringgit untuk menjalankan aktivitinya.³⁴ Berikutan adanya pengaruh PKM itu, maka pada 18 Jun 1948 PKMM diletakkan di bawah Undang-Undang Darurat 1948. Serentak dengan itu darurat diisytiharkan di Tanah Melayu bagi mengekang pengaruh komunis pada tahun tersebut. Pengenalan Ordinan Darurat 1948 telah membawa kepada pengharaman banyak kesatuan sekerja dan gerakan buruh, malah ramai pemimpinnya telah dihumban ke dalam penjara seperti Huang Le Qun, V. David dan Chen Xin Hui.³⁵ Malahan British juga bertindak ke atas parti-parti politik berhaluan kiri Melayu dengan menahan para pemimpin Hizbul Muslimin dan dalam tahun tersebut, PKMM dan Hizbul Muslimin (HAMIM) diharamkan.³⁶ Tambahan pula, Yang Dipertua Agung UMNO Dato' Onn Jaafar telah menyatakan bahawa HM adalah parti yang menjadi alat komunis.³⁷ Angkatan Wanita Sedar (AWAS)³⁸ dan Pembela Tanahair (PETA) juga menerima nasib yang sama kerana dilihat tidak sehaluan dengan UMNO dan penjajah British. Para pengikut dan pemimpin golongan haluan kiri ini dibuang negeri apabila berlaku pembunuhan tiga orang pengurus ladang berbangsa Inggeris di Sungai Siput Perak pada tahun 1948. British bertindak mengisytiharkan darurat ke seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Kondisi ini telah menjadi salah satu episod hitam dalam sejarah negara. Ramlah Adam menulis dalam bukunya *Gerakan Radikalisme Di Malaysia (1939-1965)* mengatakan;

³⁴ CO 537/4742 *Federation of Malaya Political Report for January 1949*.

³⁵ Riduan Mohamad Nor, 2007. *Potret Perjuangan Mahasiswa Dalam Cermanin Dekad*. Kuala Lumpur: Jundi Resource, hlm 22.

³⁶ Pengharaman HAMIM oleh British berkait rapat dengan tidak senangnya pihak berkuasa untuk melihat kepimpinan dan gerakan Islam akan bertapak di Tanah Melayu Hal ini akan menggugat kepimpinan nasionalis UMNO tajaan penjajah pada waktu itu. Keterangan lanjut sila rujuk Muhammad Abu Bakar, Ed. Norizit Selat, 1997. *Ulamak Pondok dan Politik Kepartian Di Malaysia*, dalam *Ekonomi Dan Politik Melayu*. Kuala Lumpur (Ed. Norizit Selat): Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, hlm 98.

³⁷ Riduan Mohamad Nor dan Mohd Fadli Ghani, 2007. *Ulama' Dalam Sorotan Perjuangan Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: MHI Publications, hlm 168.

³⁸ AWAS merupakan singkatan kepada Angkatan Wanita Sedar yang diwujudkan pada Februari 1946 adalah Jabatan Wanita PKMM yang dipimpin oleh Shamsiah Fakeh yang berhaluan Sosialis. Bergerak secara bersendirian juga seperti Angkatan Pemuda Insaf (API). Keterangan lanjut sila rujuk Mohammed Salleh Lamry, *op.cit.*, hlm 78-79.

“...Selepas PKMM diharamkan di Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 dan rusuhan kes Natrah pada tahun 1950-1951 di Singapura, golongan radikal tidak mempunyai sebarang parti politik atau pusat gerakan politik. Malah telah berlaku satu diaspora politik; ada ahlinya yang telah memasuki UMNO, ada yang menganggotai PAS dan ramai pula yang hanya mendiamkan diri...”³⁹

Pengharaman ini tidak mematikan semangat jihad dalam kalangan umat Islam. Pada tahun 1951, Persatuan Islam SeMalaya (PAS) telah muncul di Pulau Pinang bagi melanjutkan perjuangan Hizbul Muslimin yang belum selesai itu.⁴⁰ Pada tahun-tahun 1950-an, berlaku perubahan besar dalam politik Tanah Melayu. Kewujudan PAS bukanlah diasaskan tanpa sebab. Lahirnya PAS mempunyai hubung kait dengan UMNO di mana PAS diasaskan pada mulanya oleh ulama-ulama yang masih ahli UMNO.⁴¹ PAS juga wujud akibat daripada persetujuan dasar yang berbeza daripada parti induknya yakni UMNO dalam dilema “loteri UMNO” terutamanya Pengerusi Badan Agama dan Pelajaran UMNO, Tuan Haji Ahmad Fuad bin Haji Hassan yang bertegas mengatakan loteri itu tetap haram. Malah, pengharaman ini ditegaskan lagi oleh dua ulama iaitu Tuan Al-Sheikh Abdullah Fahim⁴² dari cabang PAS Seberang Prai dan Al-Sheikh Fadlullah Suhaimi dari Singapura pada tahun 1951.⁴³ Hal pengharaman judi loteri UMNO ini ditegaskan lagi dengan laporan *Utusan Melayu* yang dipetik;

“...Loteri UMNO kalau seperti yang biasa di buat oleh Kelab-kelab Lumba Kuda itu, maka pihak ahli-ahli ‘Alim Ulama Pulau Pinang dan Seberang Perai adalah menghukumkan HARAM, kerana cara perjalanan Loteri itu dita’rifkan masuk ke dalam bab perkataan “JUDI” yang tersebut didalam Al-Qur’an...”⁴⁴

³⁹ Ramlah Adam, 2004. *Gerakan Radikalisme Di Malaysia (1938-1965)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 371.

⁴⁰ Panel Pengkaji Sejarah, 1999. *PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan PAS Pusat, hlm 6.

⁴¹ A.M Noor dan A.Z Alias, *op.cit.*, hlm 12.

⁴² Al-Sheikh Abdullah Fahim semasa itu merupakan Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Beliau juga datuk kepada bekas Perdana Menteri Malaysia ke-5 iaitu Tun Haji Abdullah bin Haji Ahmad Badawi (2003-2009).

⁴³ <http://pmr.penerangan.gov.my> dengan tajuk “Sejarah Parti PAS”, perenggan 3, hlm 1.

⁴⁴ *Utusan Melayu* bertarikh 20 Ogos 1951.

Walaupun mendapat tentangan daripada para ulama ini, UMNO tetap melaksanakan Loteri Kebajikan UMNO sebagai sumber dan dana kewangan untuk menggerakkan parti tersebut. PAS mengambil jalan keluar daripada gabungan UMNO dalam isu ini apabila terdapat bukti surat yang dihantar oleh Setiausaha Loteri Kebajikan UMNO kepada Bendahari UMNO Malaya iaitu Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim yang bertarikh 26 September 1953 berjumlah \$785.85⁴⁵ telah mengukuhkan lagi sebab PAS perlu wujud secara berasingan daripada UMNO.

Terdahulu daripada itu, pada 21 Februari 1950, tokoh-tokoh agama dalam UMNO telah menganjurkan satu persidangan bagi pemimpin-pemimpin Islam atau para ulama Malaya di Muar Johor dan bersetuju ditubuhkan Pertubuhan Ulama SeMalaya (PAS). Pertubuhan ini kemudian ditukarkan nama kepada Persatuan Islam SeMalaya atau ringkasnya PAS untuk membincangkan permasalahan orang Islam di Tanah Melayu ketika itu seperti kesulitan jemaah haji, penyelarasan jabatan agama negeri-negeri dan penubuhan sebuah kolej Islam.

Artikel yang bertajuk “Ulama Malaya belum bersatu dan belum punya organisasi” yang ditulis oleh Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan selaku Pengerusi Bahagian Hal Ehwal Agama dan Pendidikan UMNO dalam *Suara UMNO* keluaran 1 Jun 1951 telah menimbulkan perbincangan hangat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Agung UMNO pada 30 Jun 1951

⁴⁵ Surat Loteri Kebajikan UMNO pada Lampiran 4.

sehingga usul untuk melaksanakan Persidangan Ulama Malaya Kedua diterima.⁴⁶ Persidangan ini merupakan rentetan persidangan sebelumnya yang telah dilangsungkan pada 23 Ogos 1951 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur⁴⁷ yakni Persidangan Ulama Malaya Ketiga. Ianya atas tajaan UMNO dan dihadiri sebanyak 26 cawangan UMNO, wakil jabatan agama negeri-negeri dan 20 persatuan agama termasuk ulama Hizbul Muslimin dari Gunung Semanggol. Persidangan ini telah memutuskan tiga resolusi iaitu:

1. Melaksanakan usul Persidangan Ulama Malaya Pertama di Muar untuk menubuhkan Persatuan Ulama SeMalaya,
2. Menubuhkan jawatankuasa penggubal undang-undang Persatuan Ulama SeMalaya dan,
3. Berikhtiar menyatukan pentadbiran agama Islam.⁴⁸

Semua usul yang dipersetujui ini sangat penting kerana ia telah membawa kepada penubuhan PAS pada 24 November 1951 bersamaan 21 Zulkaedah 1370. Pada tahun 1951 lahirlah Persatuan Islam SeMalaya (PAS).⁴⁹ Kelahiran PAS ini bermakna UMNO telah menubuhkan tiga bahagian pergerakannya, Kaum Ibu, Perikatan Pemuda dan PAS dalam masa yang singkat.⁵⁰ Jawatankuasa penggubal undang-undang Persatuan Ulama Se-Malaya yang diketuai oleh Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan telah mengadakan Persidangan Ulama Ketiga di Kelab Melayu Bagan, Bagan Tuan Kecil (Butterworth), Seberang Perai, Pulau Pinang pada 24 November 1951 tanpa sebarang tajaan daripada UMNO. Pada persidangan kali ini, hasrat terpendam bekas pemimpin dan ahli MATA

⁴⁶ Riduan Mohamad Nor dan Mohd Fadli Ghani, *op.cit.*, hlm 174.

⁴⁷ Gambar Persidangan Ulama Malaya Ke-2 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada Lampiran 14.

⁴⁸ *Ibid*, Riduan Mohamad Nor dan Mohd Fadli Ghani, hlm 174.

⁴⁹ PAS adalah singkatan PA adalah Persatuan dan S adalah Islam SeMalaya, maka jadilah PAS.

⁵⁰ Buku *UMNO Malaysia 25 Tahun Dalam Kenangan*, Keluaran Khas Kumpulan Akhbar *Utusan Melayu* (M), Berhad.

dan Hizbul Muslimin dilunaskan apabila Persatuan Ulama Se-Malaya ditukar menjadi Persatuan Islam Se-Malaya (PAS) dan sebuah jawatankuasa agung telah dipilih dengan Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan dilantik sebagai Yang Dipertua Agungnya⁵¹ yang pertama. Persatuan ini dibarisi oleh pemimpin lainnya seperti Haji Abdullah Nasution, Tuan Guru Haji Ahmad Tuan Hussain, Haji Hussin Che Dol, Haji Muhammad Ghazali bin Haji Abdullah serta para cendekiawan Melayu yang lain. Pada tahun 1951, bermulalah gerakan PAS sebagai gerakan dakwah.

Pada 24 November 1951⁵² Persatuan Ulama SeMalaya ditukar kepada Persatuan Islam SeMalaya (PAS) sempena persidangan para ulama di Bagan Tuan Kecil (Butterworth), Seberang Prai, Pulau Pinang. PAS telah didaftarkan dengan Pejabat Pendaftaran Pertubuhan di Pulau Pinang, *Registrar of Societies*/Penang 880, Pejabat Agung PAS bil (6) dlm.P3/55 berkaitan bil.(2) P/32/55 Pejabat Agung PAS 958 Kepala Batas Seberang Prai.⁵³ Kemudian ianya berkembang menjadi sebuah pertubuhan politik-dakwah yang penting di negara ini⁵⁴ seterusnya dikategorikan sebagai gerakan Islam. Ia dilihat berbeza dengan UMNO yang menumpukan sepenuhnya kepada perjuangan politik.⁵⁵

⁵¹ Riduan Mohamad Nor dan Mohd Fadli Ghani, *op.cit.*, hlm 174-175.

⁵² Pada awal penubuhan PAS ini, PAS dipimpin oleh Tuan Haji Ahmad Fuad Bin Hassan (YDP Seberang Prai), Tuan Haji Muhammad Ghazali Bin Hj Abdullah (Timb. YDP Pulau Pinang), Tuan Haji Hussein Bin Che Dol (Naib YDP Bahagian Utara / Kedah), Fakir Bin Muhammad Nor (Naib YDP Bahagian Tengah/Selangor), Abd.Rahman Bin Jamaludin al-Jambuli (Naib YDP Bahagian Selatan / Singapura), Tuan Haji Ahmad Bin Maliki (Setiausaha Agung, Seberang Prai), Tuan Haji Ahmad Bin Tuan Husin (Bendahari Agung, Seberang Prai), Yahya Bin Jonid (AJK Padang Lumat, Kedah), Ismail Bin Said (AJK Anak Bukit Kedah), Tuan Haj Ahmad Badawi (AJK Seberang Prai, Pulau Pinang), Tuan Haji Zabidi (AJK Seberang Prai, Pulau Pinang), Tuan Haji Muhammad Bin Long (AJK Perlis), Mohammad Bin Haniff (AJK Pulau Pinang) dan Ahmad Bin Hasii (AJK Seberang Prai). Keterangan lanjut, rujuk Jabatan Arkib PAS Pusat.

⁵³ Mohd Amin Yaakub, 2001. *Sejarah Pemerintahan PAS Kelantan 1959-1990*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik, hlm 1.

⁵⁴ Petikan dari Jabatan Arkib PAS Pusat, *op.cit.*, melalui pautan internet: www.pas.org.my, hlm 1.

⁵⁵ Wan Nik Wan Yussof dan Asma' Husna Sulaiman, 2006. *Islam Dalam Politik Malaysia: Satu Kritikan Terhadap Islam Hadhari*. Kota Bharu : Centre for Political Analysis and Strategic Development (PASD) PASD Enterprise, hlm 91.

Setelah selesai penubuhannya secara rasmi itu, PAS mengorak langkah sebagai sebuah parti siasah mengembangkan sayap dan pengaruhnya ke seluruh negara.⁵⁶ Sehingga Disember 1952, PAS telah berjaya menubuhkan 16 buah cawangannya di Tanah Melayu dan Singapura. Setahun selepas penubuhannya, PAS mengadakan muktamarnya yang pertama di Madrasah Daeratul Maarif, Kepala Batas, Province Wellesley pada 3 dan 4 Januari 1953 dan memutuskan Haji Ahmad Fuad dilantik semula sebagai Yang Dipertua Agung PAS. Pada 31 Mei 1955, PAS secara rasmi didaftarkan sebagai parti politik atas nama Persatuan Islam SeMalaya melalui *Societies Ordinance 1949, Form 3 The Societies (Registration) Rules 1953 (Rule 6)* yang beralamat di Arabic School, Kepala Batas, Province Wallesley, *Registration No.733(Penang)*.⁵⁷ Semasa pendaftaran, parti itu telah mengemukakan logo yang berlambangkan lima jari yang melambangkan Rukun Islam yang mempunyai 5 prinsip. Undang-undang tubuh asal yang diluluskan pada tahun 1951 dahulu yang mempunyai 46 Fasal telah berkuatkuasa pada 14hb Ogos 1954⁵⁸ setelah permohonan pendaftaran dengan Pendaftar Pertubuhan Persekutuan (ROS) diluluskan. Setelah mendapat pengesahan daripada Ibu Pejabat Pendaftaran Pendaftar Pertubuhan Persekutuan (ROS) di Kuala Lumpur, maka pada 14 Jun 1955, PAS telah didaftarkan dengan nama Inggerisnya "*Pan Malayan Islamic Party*" (PMIP) dengan simbol tapak tangan.

⁵⁶ Cawangan PAS ditubuhkan di Pulau Pinang pada 9 Mac 1952, Perak pada 10 April 1952, Perlis pada 2 Mei 1952, Selangor pada 13 Julai 1952 dan Kelantan pada 23 Julai 1953.

⁵⁷ Sijil Pendaftaran PAS dengan ROS pada Lampiran 1.

⁵⁸ Mohd Amin Yaakub, *op.cit.*, hlm 1.

PAS kemudiannya menyertai pilihan raya pra-merdeka pada 27 Jun 1955 untuk merebut 52 kerusi Dewan Undangan Persekutuan.⁵⁹ PAS cuma menang 1 kerusi Parlimen Krian melalui calonnya Tuan Haji Ahmad Tuan Hussain dengan majoriti 450 undi, 51 kerusi lagi dimenangi oleh UMNO-Perikatan.⁶⁰ Perikatan memenangi 51 kerusi dan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj telah dilantik sebagai Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu. Dalam muktamar PAS pada 25 Disember 1958 telah diluluskan pula nama yang dipinda daripada PMIP kepada Persatuan Islam SeTanah Melayu (PAS) dengan logo Bulan Bintang mengikut kesesuaian Tanah Melayu yang sudah merdeka. Pada 30hb November 1963, Perlembagaan PAS dipinda dan namanya sekali lagi ditukar kepada Persatuan Islam SeMalaysia (PAS) pada tahun 1971. Pindaan kepada nama baru ini iaitu Parti Islam SeMalaysia (PAS) telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan pada tahun 1973 dengan logo Bulan Purnama.⁶¹ Kali terakhir sedikit pindaan ke atas perlembagaan dilakukan pada 27 Jun 1977 dengan nama dan simbol yang masih sama. Hal ini dilakukan bagi menyesuaikan dengan keperluan politik semasa. Perkara ini ditambah

⁵⁹ A.M Noor dan A.Z Alias, *op.cit.*, hlm 13.

⁶⁰ Parti Perikatan merupakan gabungan parti-parti UMNO yang mewakili suara orang Melayu, MIC merupakan parti mewakili suara orang India dan MCA mewakili suara kaum Cina yang dimulakan oleh Tunku Abdul Rahman Putra untuk berjuang mendapat kemerdekaan dan kebebasan daripada penjajah British untuk kemerdekaan Tanah Melayu. Asas penubuhan parti Perikatan dimulakan oleh Tunku Abdul Rahman mewakili UMNO dan Tun Tan Cheng Lock mewakili MCA ditubuhkan pada tahun 1952. Sebelum menyertai pilihan raya umum pertama pada tahun 1955, Perikatan berpengalaman menyertai pilihan raya perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952 dan mencapai kemenangan yang memberangsangkan. Hanya pada tahun 1954, MIC pula menyertai Perikatan bagi menghadapi pilihan raya umum pertama 1955. Pada pilihan raya umum pertama inilah, maka Perikatan terdiri daripada UMNO, MCA dan MIC untuk berhadapan dengan parti-parti pembangkang lain seperti PAS dan PAP. Keterangan lanjut sila rujuk R.S Milne dan Diane K.Mauzy, *op.cit.*, hlm 44-47. Lihat juga Ariffin Omar, 2005. *Dari Malayan Union ke 13 Mei*, dlm Abdul Rahman Haji Ismail (peny), *op.cit.*, hlm 334. Perikatan ditubuhkan pada awalnya mengandungi parti UMNO dan MCA sahaja atas cadangan Tunku Abdul Rahman Putra bersama-sama Presiden MCA Tun Tan Cheng Lock pada tahun 1952. Penubuhan Perikatan ini adalah bertujuan untuk menghadapi pilihan raya pertama Majlis Bandaran Kuala Lumpur yang akan diadakan pada 16 Februari 1952 bagi merebut 12 kerusi Majlis Bandaran Kuala Lumpur. Kerusi tersebut ialah Imbi, Sentul, Petaling Jaya dan Bangsar. Turut bertanding ialah parti-parti seperti IMP, Parti Perikatan, Parti Buroh Selangor, Persatuan Penyewa Rumah dan calon Bebas. Pada pilihan raya itu, Perikatan menang sebanyak 9 kerusi, IMP 2 kerusi dan Bebas 1 kerusi. Maklumat lanjut sila rujuk Hari Ini Dalam Sejarah Jilid 1, 1980. "*Pilihan Raya Pertama Majlis Perbandaran Kuala Lumpur*". Kuala Lumpur : Arkib Negara Malaysia, hlm 135.

⁶¹ Logo PAS iaitu Bulan Bintang terpaksa ditukar kepada Bulan Purnama kerana diharamkan oleh Kerajaan Perikatan pada tahun 1971 oleh Perdana Menteri Tun Abdul Razak kerana didakwa mengelirukan orang ramai dengan lambang Islam. Logo ini juga digunakan buat kali pertama apabila PAS menyertai pilihan raya kecil Tumpat Barat di Kelantan dan kekal digunakan sehingga ke hari ini. Maklumat lanjut sila rujuk Salahuddin Abdullah, 2010. *Sejarah PAS Kelantan: Langkah-Langkah Menuju Mardhatillah 1959-1978*. Kota Bharu, Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan, hlm 138-140; dan Mohd Amin Yaakub, *op.cit.*, hlm 3.

dengan golongan ulama berpandangan bahawa UMNO tidak lagi mampu untuk menjadi wadah bagi menegakkan sebuah negara Islam.⁶²

Malah keinginan para pemimpin UMNO untuk meneruskan amalan yang kurang selari dengan ajaran Islam ini dapat dilihat dengan cadangan daripada wakil rakyat UMNO dari Parlimen Seberang Perai Utara, Haji Ahmad Said. Beliau telah mengemukakan cadangan supaya kerajaan melesenkan industri pelacuran yang berjalan di negara ini. Tuan Haji Ahmad Said telah mencadangkan;

“...Menimbangkan kerumitan-kerumitan kerajaan membasmi pelacuran maka eloklah “perniagaan” itu dikawal dengan cara melesenkan pelacur-pelacur itu...”.⁶³

PAS dilihat mahu menghapuskan aktiviti ekonomi yang bertentangan dengan Islam manakala UMNO mahu ia dihalalkan.⁶⁴ Hal ini dapat dilihat selain melaksanakan Loteri Kebajikan Masyarakat, UMNO juga tidak serius dalam isu pemurtadan Natrah⁶⁵ di Singapura, *fun fair*, kabaret dan lain-lain.⁶⁶ Apa yang jelas, UMNO dan PAS agak berlainan dalam ideologi perjuangannya. Hal yang demikian, PAS dilihat begitu sukar untuk bekerjasama dengan UMNO atas nama perpaduan Melayu, apatah lagi untuk

⁶² Dusuki Ahmad, 1980. *Islam di Malaysia: Kebangkitan dan masa depan*. Shah Alam: Al-Hilal, hlm 30.

⁶³ Abu Bakar Hamzah, 1970. *Ilham 13 Mei*. Kota Bharu: Penerbitan Ismail Enterprise, hlm 207.

⁶⁴ Ismail Said, *op.cit.*, hlm 107.

⁶⁵ Nama asal Natrah ialah Maria Huberdina Hertogh dilahirkan pada 24 Mac 1937 di Tjimahi, Jawa Indonesia. Diserahkan oleh ibunya Adeline kepada Che Aminah Mohamed di Singapura yang berasal dari Kemaman Terengganu ketika berusia 5 tahun pada tahun 1942. Natrah seorang gadis Belanda yang beragama Kristian telah dijadikan anak angkat oleh keluarga tersebut. Natrah kemudiannya berkahwin dengan pemuda Melayu yang bernama Mansoor Adabi. Pada tahun 1950, ibu bapa Natrah meminta Mahkamah Tinggi Singapura mengembalikan hak ke atas Natrah kepada keluarga asalnya. Keputusan penghakiman yang agak rumit, Mahkamah kemudiannya memutuskan bahawa Natrah perlu dikembalikan semula kepada ibu bapa kandung Natrah. Keputusan ini telah ditentang oleh Jawatankuasa Bertindak Natrah yang terdiri daripada Dr. Burhanuddin al-Helmy dan beliau memimpin satu rusuhan memprotes orang-orang Islam di Singapura. Sebagai tindak balas, Dr. Burhanuddin al-Helmy ditangkap di rumahnya di Geylang Road Singapura pada pukul 3.00 pagi, 18 Disember 1950 dan ditahan sehingga tahun 1953. Keterangan lanjut sila rujuk *Ibid*, Ismail Said, 2008. *Dr. Burhanuddin Al-Helmi Pejuang Melayu Sejati*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn.Bhd, hlm 22-23; dan Mohd Nazir Ibrahim, *op.cit.*, hlm 11-12.

⁶⁶ <http://pmr.penerangan.gov.my> dengan tajuk “Sejarah Parti PAS” , perenggan 3, hlm 1.

kedaulatan Islam⁶⁷ di negara ini. Kepimpinan Haji Ahmad Fuad Hassan dalam PAS tidak lama dan beliau meninggalkan PAS semasa Perhimpunan Khas PAS pada September 1953⁶⁸ kerana menyertai rakan karib beliau, Dato' Onn bin Jaafar menubuhkan Parti Negara.

Jika dilihat dalam sejarah kepimpinannya, PAS telah diteraju pada awal penubuhannya oleh Yang Dipertua Agungnya yang pertama iaitu Tuan Hj Ahmad Fuad Hassan dari Seberang Prai Pulau Pinang antara tahun 1951-1954. Seterusnya dipimpin oleh Dr. Hj Abbas Alias dari Selangor antara tahun 1954-1956. Pada tahun 1956-1966 diterajui pula oleh Prof. Dr. Burhanuddin al-Helmy dari Perak.⁶⁹ Semasa di bawah kepimpinan Dr. Burhanuddin, corak perjuangan PAS lebih radikal.⁷⁰ Hal ini telah menyebabkan para pemimpin PAS yang lain bimbang dengan latar belakang politik Dr. Burhanuddin al-Helmy.⁷¹ Pasca pilihan raya umum tahun 1959 inilah, PAS membuka era politik baharu apabila berjaya membentuk kerajaan di Kelantan dan Terengganu di mana masing-masing diterajui oleh Ustaz Ishak Lotfi Omar (ADUN Kota Bharu Selatan) dan Ustaz Mohd Daud Abdul Samad (ADUN Jerneh).⁷²

⁶⁷ Islam yang dimaksudkan di sini adalah dengan segala cirinya sempurna. Lapan ciri peradaban Islam yang membuktikan Islam adalah rahmah kepada seluruh alam, iaitu: 1. Rabbaniyah (bersumberkan ajaran ilahi) 2. Akhlaqiyah (bercirikan nilai akhlak yang mulia) 3. Insaniyyah (berciri nilai murni kemanusiaan) 4. Alamiyyah (berifat antarabangsa dan sejagat) 5. Tasamuh (saling mengerti dan memahami) 6. Tanawwu (beraneka ragam) 7. Wasathiyah (pertengahan dan sederhana) 8. Takamul (saling melengkapi). Maklumat lanjut sila rujuk Profesor Dr Yusuf Al-Qardhawi (1992) dalam bukunya, "*Wawasan Islam: Antara Keaslian dan Kemodenan*".

⁶⁸ Beliau menyertai Parti Negara yang ditubuhkan oleh rakan karibnya Dato' Onn Jaafar. Jawatan Yang Dipertua Agung diambil-alih oleh Dr. Haji Abbas Alias pada tahun 1953 hingga 1956.

⁶⁹ Kepimpinan PAS terus diterajui oleh Datuk Mohd Asri (1969-1982), Haji Yusuf Rawa (1982-1988), diikuti Datuk Ustaz Fadhil bin Mohd Noor (1988-2002) dan Tuan Guru Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (2002-kini).

⁷⁰ Istilah radikal hanya satu gelaran yang diberikan oleh British kerana parti pimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmy iaitu PKMM ini kuat menentang British untuk memperjuangkan kedudukan orang Melayu dan Islam. Keterangan lanjut sila rujuk Ishak Saat, *op.cit.*, hlm 118 dan 125.

⁷¹ Ramlah Adam, *op.cit.*, hlm 139.

⁷² Kerajaan PAS Terengganu yang diterajui oleh Menteri Besar Ustaz Mohd Daud bin Abdul Samad (ADUN Jerneh) hanya mampu bertahan sehingga tahun 1961 akibat daripada menerima undi tidak percaya di Dewan Undangan Negeri Terengganu kerana ADUN-ADUN PAS telah melompat parti akibat timbul perselisihan mengenai siapa yang harus menjadi Menteri Besar. Satu pihak mahukan Ustaz Mohd Daud Samad (ADUN Jerneh) yang merupakan anak jati Terengganu sedangkan satu pihak lagi mahukan Ahmad Azam Napiah bukan rakyat Terengganu, tetapi memegang jawatan Pesuruhjaya PAS Terengganu. Akhirnya para ADUN PAS ini telah menyatakan kesediaan menyokong UMNO-Perikatan dan

Kelancangan Dr. Burhanuddin al-Helmy membidas kerajaan Perikatan telah dibayarnya dengan harga yang begitu mahal sekali.⁷³ Pada 28 Januari 1965, beliau ditangkap bersama-sama Aziz Ishak dan Ishak Haji Mohamad (Pak Sako) kerana dituduh cuba mendirikan kerajaan buangan di Pakistan. Beliau diletakkan di bawah peruntukan *Internal Security Bill*, maka berakhirlah satu usaha untuk melaksanakan konsep Melayu Raya yang didukungnya selama ini.⁷⁴ Beliau telah ditahan selama hampir lima tahun,⁷⁵ selepas pembebasannya selama sebulan, beliau telah meninggal dunia pada 25 Oktober 1969.⁷⁶ Timbalannya pula Profesor⁷⁷ Dato'⁷⁸ Zulkifli Muhammad meninggal dunia setelah menang dalam pilihan raya 1964 di Parlimen Bachok akibat kemalangan jalan raya di Kuantan pada 6 Mei 1964.⁷⁹ Selepas itu Datuk Mohd Asri bin Haji Muda dilantik sebagai Yang Dipertua Agung pada tahun 1969.⁸⁰

ditambah pula dengan sokongan daripada ADUN Parti Negara (PN) pimpinan Dato' Onn bin Jaafar. Kerajaan Terengganu diambil-alih oleh kerajaan UMNO-Perikatan pada tahun 1961-1964 dengan Menteri Besarnya Dato' Ibrahim Fikri. Keterangan lanjut sila rujuk R.S Milne dan Diane K.Mauzy, *op.cit.*, hlm 187; Mohd Amin Yaakub, *op.cit.*, hlm 18; *Berita Harian* bertarikh 23 Julai 1961 dan Ismail Said, *op.cit.*, hlm 158-162.

⁷³ Ramlah Adam, *op.cit.*, hlm 148.

⁷⁴ *Ibid*, hlm 151.

⁷⁵ Dr. Burhanuddin al-Helmy dituduh bersama-sama Ahmad Boestamam dari PRM menjalankan aktiviti anti-Malaysia dan bermuafakat dengan para nasionalis Indonesia untuk menggulingkan kerajaan Malaysia. Pada masa itu Malaysia menghadapi Konfrontasi dengan Indonesia berkaitan dengan penubuhan gagasan Malaysia. Dr. Burhanuddin al-Helmy dilahirkan pada 29 Ogos 1911, di Changkat Tualang, Perak. Pada tahun 1965, beliau ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Dibebaskan pada 10 Oktober 1969 dan sebulan selepas itu meninggal dunia pada 25 Oktober 1969 akibat penyakit yang dihidapinya semasa di dalam tahanan lagi. Jenazah beliau dikebumikan di Masjid Lama, Taiping Perak. Keterangan lanjut sila rujuk *Ibid*, Ramlah Adam, hlm 225, 231, 232 dan 233; Roslan Saadon, 2009. *Gagasan Nasionalisme Melayu Raya Pertumbuhan dan Perkembangan*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd, hlm 213 dan Ismail Said, *op.cit.*, hlm 1.

⁷⁶ *Ibid*, Ismail Said, 2008, hlm 175.

⁷⁷ Prof. Dr. Zulkifli Muhammad dianugerahkan Profesor Kehormat oleh Universiti Sriwigading, Jakarta Indonesia atas sumbangan dan jasanya dalam dunia pendidikan Islam semasa beliau masih bergelar pensyarah di Kolej Islam Malaya.

⁷⁸ Anugerah Dato' Paduka Mahkota Kelantan (DPMK) kepada Zulkifli Muhammad oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Tuanku Yahya Petra Ibnu Almarhum Sultan Ibrahim sempena ulangtahun keputeraan baginda pada 11 Julai 1964 yang diterima oleh adiknya Encik Abdullah Zawawi bin Muhammad kerana Zulkifli Muhammad meninggal dalam kemalangan jalan raya di Kuantan pada 6 Mei 1964 bersama isterinya Ustazah Asiah. Keterangan lanjut sila rujuk Mokhtar Petah, 2010. *Wasiat Perjuangan Zulkifli Muhammad*. Kuala Lumpur: Penerbitan Ilham Baru/ IKDAS, hlm 127.

⁷⁹ Jawatan Yang Dipertua Agung PAS kemudiannya dipangku oleh Datuk Mohd Asri dan Timbalan Yang Dipertua Agung dipangku pula oleh Tuan Haji Hassan Adli. Pada sidang Muktamar Agung PAS, kedua-dua mereka ini disahkan sebagai Yang Dipertua Agung dan Timbalan Yang Dipertua Agung secara rasmi sehingga tahun 1969.

⁸⁰ Jawatan Yang Dipertua Agung seterusnya digantikan oleh Tuan Haji Yusof Rawa antara tahun 1982-1988 setelah Datuk Mohd Asri keluar dari PAS akibat dari tekanan ahli PAS kerana PAS mengalami kekalahan di Kelantan pada pilihan raya 11 Mac 1978. Setelah kematian Tuan Haji Yusof Rawa pada 1988, jawatan Presiden diambil pula oleh Dato' Ustaz Fadzil bin Mohd Noor (1988-2002). Apabila Dato' Ustaz Fadzil meninggal dunia pada tahun 2002, Datuk Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang dilantik sebagai Presiden PAS pada tahun 2002 sehingga kini.

Pelbagai cabaran mendatang dalam usaha PAS mengembangkan pengaruhnya di Tanah Melayu. Pelbagai sekatan telah dikenakan oleh pihak penjajah British dan Kerajaan Perikatan. Gambaran ini dapat dilihat daripada catatan yang dibuat oleh Mohd Amin Yaakub dalam bukunya *Sejarah Pemerintahan PAS Kelantan 1959-1990*;

“...Bendera PAS pada mulanya berdasarkan fasal 39 Perlembagaan PAS yang bertarikh 31hb Mei 1955 dan Fasal 38 Perlembagaan PAS yang bertarikh 30hb November 1963 adalah berwarna merah terletak di atas warna putih yang sama lebarnya (Merah Putih) dan pada pangkal sebelah atas terletak satu bulatan warna hijau yang bertulis di dalamnya Allah Muhammad dengan warna putih. Oleh sebab orang-orang UMNO mendesak supaya Kerajaan Pusat mengharamkan PAS menggunakan kalimah Allah Muhammad pada bendera PAS maka Kerajaan Perikatan UMNO, MCA dan MIC telah mengarahkan PAS menghapuskan kalimah Allah Muhammad pada bendera PAS itu. Maka mulai tarikh 27hb Jun 1977, Perlembagaan PAS dipinda dengan menghapuskan kalimah Allah Muhammad pada bendera PAS, tinggalah bulatan hijau tanpa kalimah Allah Muhammad sehingga sekarang ini...”.⁸¹

Ketika Pilihan Raya Umum Pertama tahun 1955, Syeikh Abdullah Fahim (Mufti Pulau Pinang), Ustaz Salleh Masri (Ahli Majlis Penasihat Agama Pulau Pinang) dan Ustaz Abdul Halim Al-Hadi (Mudir Madrasah Daeratul Maarif) telah mengeluarkan fatwa bahawa setiap pengundi Islam wajib turun mengundi dan wajib mengundi calon Islam sahaja. Mengundi calon bukan Islam adalah berlawanan dengan kehendak Allah.⁸² Namun fatwa ini telah ditentang dan dikritik hebat oleh UMNO. Hal ini telah menimbulkan polemik kerana ia bukan dibuat oleh ahli politik, tetapi oleh para alim-ulama yang terkemuka di Tanah Melayu. Bagi menutup isu ini dalam persaingan dengan PAS, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj masih menganggap UMNO adalah lanjutan PKMM yang memperjuangkan kepentingan politik Melayu. Tun Abdul Razak pula

⁸¹ Mohd Amin Yaakub, *op.cit.*, hlm 2-3.

⁸² Riduan Mohamad Nor dan Mohd Fadli Ghani, *op.cit.*, hlm 175.

menyifatkan PAS sebagai “anak UMNO tetapi sedang menanduk ibunya”.⁸³ Perseteruan politik ini berterusan sama ada sebelum dan selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.⁸⁴

Kecekan para pemimpin dan ahli PAS adalah kerana mereka taat dan mengambil pengajaran dan menghayati apa yang diajar oleh Al-Quran dan Hadis.⁸⁵ Allahyarham Tan Sri Datuk (Dr)⁸⁶ Haji Mohd Asri Haji Muda sendiri juga bukanlah dianggap ulama, namun perjuangannya diterima akar umbi kerana kecekan dan kegigihan beliau.⁸⁷ Kemunculan PAS ini dikatakan dari pengaruh silang yang berlaku antara beberapa gerakan Islam yang lebih awal di luar negara seperti Ikhwanul Muslimin⁸⁸ di Mesir, Masyumi di Indonesia dan Jamaat Islami di Pakistan.⁸⁹ Pergerakan tersebut merupakan mata rantai kebangkitan Islam sejagat yang berdasarkan al-Quran, As-Sunnah dan amalan para Khulafa' al-Rasyidun.⁹⁰

⁸³ *Ibid*, Riduan Mohamad Nor dan Mohd Fadli Ghani, hlm 175.

⁸⁴ PAS pernah bekerjasama dalam Kerajaan Campuran dan Barisan Nasional di Kelantan pada tahun 1973-1977. Walaupun pelbagai tekanan dan mehan yang dihadapi oleh PAS, namun berkat usaha gigih dalam perjuangan, PAS mengorak langkah lagi dengan kemenangan pertama pada pilihan raya pasca-merdeka. Kemenangan ini membolehkan PAS membentuk kerajaan dan memerintah Kelantan sehingga tahun 1978.

⁸⁵ Teras utama perjuangan PAS adalah merujuk Fasal 4 (1) Perlembagaan PAS bermula pada tahun 1955 dan 1963 dan diubah pada tahun 1977 dan 1993 diletakkan pula pada Fasal 7 (1) yang terikat dengan Hukum Tertingginya iaitu Kitabullah dan Sunnah Rasulullah serta Ijmak dan Qias Ulamak yang terang lagi nyata. Keterangan lanjut sila lihat Perlembagaan PAS Pusat (Pindaan 1993), dikeluarkan oleh Jabatan Arkib PAS Pusat Kuala Lumpur.

⁸⁶ Anugerah Doktor Falsafah (Kehormat) ini diberikan oleh Universitas Sumatera Utara (USU) atas jasanya dalam politik Tanah Melayu.

⁸⁷ Kebolehan Datuk Mohd Asri berpidato dapat menanam semangat dan pengaruh dalam kalangan pendengar lantas mengalihkan haluan perjuangan rakyat menyokong PAS. Begitu juga dengan Dato' Mohamed Nasir, Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Prof. Dr. Zulkifli Muhammad serta lain-lainnya menampakkan sokongan terhadap mereka adalah kerana kegigihan mereka dalam perjuangan Islam dan bukan kerana kedudukan sebagai tokoh agamawan.

⁸⁸ Ikhwanul Muslimin diasaskan pada tahun 1928 oleh Hassan al-Banna di Ismailia, Mesir merupakan sebuah gerakan Islam yang berpengaruh di Negara itu dan juga pelosok dunia Islam. Perjuangan pertubuhan ini adalah berasaskan ideologi Islam, maka tidak hairanlah ramai para pemimpin utamanya ditahan dan dibunuh oleh pemerintah Mesir. Pemimpin pertamanya ialah Hassan al-Banna (1928-1949), Hassan al-Hudaibi (1949-1972), Umar Tilmisani (1972-1986), Muhammad Hamid Abu Nasr (1986-1996), Mustafa Msyhur (1996-2002), Ma'mun al-Hudaibi (2002-2004), dan Muhammad Mahdi Akif (2004-kini).

⁸⁹ Jabatan Arkib PAS Pusat *op.cit.*, melalui pautan internet: www.pas.org.my, hlm 1.

⁹⁰ Mohamad Fauzi Zakaria, 2007. *Pengaruh Pemikiran Assyahid Sayyid Qutb Terhadap Gerakan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jundi Resource, hlm 124.

Semua pengaruh ini telah menyerap masuk ke Tanah Melayu melalui para pelajar dan ulama lepasan Mesir, Mekah, India dan Pakistan. Kesedaran awal ini adalah dimulai oleh para ulama⁹¹ dan umat Islam yang memerlukan sebuah pertubuhan atau badan yang boleh mewakili mereka dalam semua aspek kehidupan terutama dalam keadaan Tanah Melayu sedang dijajah oleh British ketika itu. Dalam fraksi yang lain, para ulama telah mengambil sikap untuk menyertai parti nasionalis UMNO. Hal ini dilakukan bagi membolehkan isu-isu umat Islam dapat diperjuangkan seperti Tuan Haji Ahmad Fuad bin Hassan⁹² yang merupakan bekas pemimpin HM yang diharamkan British pada 18 Jun 1948. Bahagian Agama UMNO ini kemudiannya mengadakan beberapa persidangan bagi membolehkan ulama menubuhkan persatuan. Kemudian dari itu pada bulan November 1951, berasaskan Biro Agama dalam UMNO sendiri, telah lahirnya Persatuan Ulama Se-Malaya (PAS) yang dipimpin oleh Tuan Haji Ahmad Fuad bin Hassan.⁹³

Hasil cadangan Ustaz Othman Hamzah dan Mohd Azam dari Terengganu, maka Persatuan Ulama SeMalaya ditukarkan kepada Persatuan Islam SeMalaya (PAS). Mereka merupakan tokoh pendokong dan pejuang yang terlibat secara langsung dalam Hizbul Muslimin dan penubuhan PAS.⁹⁴ Wujudnya kesedaran betapa perlunya sebuah pergerakan politik Islam di Tanah Melayu bagi mengimbangi perkembangan politik semasa dan demi untuk membela kebajikan umat Islam maka namanya ditukar kepada

⁹¹ Istilah ulamak ini adalah merujuk kepada seseorang yang beragama Islam yang akil baligh, mempunyai ilmu yang mendalam mengenai hal-ehwal Islam serta beramal dengannya pada setiap masa. Ulama memainkan peranan meneruskan tugas para Nabi dalam dakwah dan mengembangkan ajaran Islam dalam setiap peringkat dan lapangan kepada seluruh umat manusia di serata ceruk dan rantau.

⁹² Haji Ahmad Fuad Hassan iaitu ulamak Il Ihya adalah merupakan bekas Pengerusi Bahagian Agama UMNO pada tahun 1950 dan juga bekas Pesuruhjaya Agama Terengganu.

⁹³ Ishak Saat, *op.cit.*, hlm 229.

⁹⁴ *Ibid*, hlm 229.

PAS, bahkan kedudukannya sendiri menjadi bebas dan terpisah daripada UMNO.⁹⁵

Namun pendapat ini disangkal pula oleh Ahmad Atory Hussain dalam bukunya *Dari Berantakan Menuju Pembangunan Politik Melayu, 1990-2000*;

“...Para cendekiawan yang mirip dengan perjuangan serta fahaman PAS tidak akan bersetuju dengan fakta tersebut, tetapi itulah realiti. Sebetulnya, PAS sebagai parti atau organisasi memang wujud dari UMNO. Hal ini tidak boleh dinafikan. Tetapi, prinsip atau perjuangan PAS memang sudah lama wujud sebelum *Malayan Union* lagi. Malah ia sebetulnya wujud dari gerakan Islam yang dipelopori oleh Hizbul Muslimin yang telah diharamkan oleh British...”.⁹⁶

Mohd Asri menegaskan bahawa PAS sememangnya dilahirkan dari UMNO, dan ini adalah hakikat sebenar sejarah. Kita tidak boleh menipu serta berlaku jujur kepada sejarah lebih-lebih lagi sejarah penubuhan PAS itu sendiri. Mahu tidak mahu, kita harus akui bahawa kebenaran sejarah penubuhan PAS iaitu dari Bahagian Agama dalam UMNO semasa di bawah kepimpinan Dato’ Onn bin Jaafar.⁹⁷ Walau apapun pandangan dan pendapat yang diberikan berkait dengan UMNO dan PAS ini, satu kesimpulan yang dapat dibuat secara adil ialah PAS sebagai suatu organisasi atau satu bentuk kepartian memang ditubuhkan daripada UMNO; tetapi dari segi prinsip dan ideologinya, PAS sudah lama wujud sebelum wujudnya UMNO lagi iaitu sebelum Perang Dunia Kedua tetapi atas roh yang tidak berubah ingin mendaulatkan Islam sebagai *ad-deen*⁹⁸ dalam

⁹⁵ Abdul Rahman Haji Abdullah, 1998. *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran. Gerakan Reformasi (II)*. Pusat Pendidikan Jarak Jauh: Universiti Sains Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 283.

⁹⁶ *Ibid hlm*, 226-227.

⁹⁷ Mohd Asri Haji Muda, *op.cit.*, hlm 41-42.

⁹⁸ *Ad-deen* bermaksud Islam satu-satunya agama yang diciptakan oleh Allah SWT sendiri untuk dijadikan pegangan dan pedoman oleh umat manusia, maka sudah tentu ianya lengkap dan syumul. Lengkap dan syumul ini mencakupi segala bidang hidup yang diterokai oleh manusia seperti akidah, syariah, sosial, politik, pentadbiran, pemerintahan, ekonomi dan sebagainya. Untuk maklumat dan rujukan lanjut, lihat buku bertajuk *Islam Sebagai Addin*, cetakan Ketiga 2010 yang dikeluarkan oleh Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK), hlm 1-17.

perjuangannya. Melalui tulisan Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan yang berjudul “Ulama Malaya Belum Bersatu dan Belum Punya Persatuan”.⁹⁹

Sementelahan pula, ulama telah muak dengan sikap UMNO yang mengabaikan isu pemurtadan Natrah¹⁰⁰ di Singapura pada tahun 1950, penganjuran judi loteri, pesta-pestaan, kabaret dan lain-lain juga bertentangan dengan aspirasi orang Melayu-Islam ketika itu. Semasa persidangan ulama yang dipimpin oleh Sheikh Abdullah Fahim selaku Mufti Negeri Pulau Pinang, di Seberang Prai Pulau Pinang pada 1951 telah mengeluarkan fatwa mengharamkan judi loteri anjuran UMNO. Tuntutan perjuangan UMNO¹⁰¹ untuk kemerdekaan tanahair juga tidak begitu bersungguh-sungguh berbanding perjuangan PAS melalui Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Prof. Dr. Zulkifli Muhammad. Prof. Dr Zulkifli Muhammad pernah menulis satu memorandum melalui wakil rakyat PAS bagi kawasan Parlimen Krian iaitu Tuan Guru Haji Ahmad Tuan Hussein pada Majlis Mesyuarat Persekutuan Pertama kepada Suruhanjaya Lord Reid yang bertarikh 14hb Julai 1956¹⁰² berkenaan kemerdekaan negara dan bentuk negara yang berpaksikan Islam dan kebangsaan Melayu. Justeru itu Mohd Amin Yaakub berpendapat bahawa;

“...Amatlah tidak benar pihak yang menuduh kononnya PAS menentang kemerdekaan negara ini. Hasil daripada suara PAS dalam sidang Majlis Mesyuarat Federal melalui wakil tunggalnya itu malah secara bertulis melalui memorandumnya kepada Lord Reid itulah, Tanah Melayu mendapat kemerdekaannya pada 1957, sekalipun tidak seperti apa yang dikehendaki dalam memorandum tersebut...”.¹⁰³

⁹⁹ Beliau menjelaskan dan menyifatkan kedudukan ulama ketika itu umpama sampah yang tidak dihargai kerana tiada kekuatan

¹⁰⁰ Nama asal Natrah ialah Maria Huberdina Hertogh dilahirkan pada 24 Mac 1937 di Tjimahi, Jawa Indonesia. Diserahkan oleh ibunya Adeline kepada Che Aminah Mohamed yang berasal dari Kemaman Terengganu ketika berusia 5 tahun.

¹⁰¹ UMNO sejak penubuhannya pada 11 Mei 1946 di Istana Besar Johor Bharu telah diterajui oleh tujuh orang Yang Di Pertua/Presiden. Presiden pertama UMNO ialah Dato'Onn bin Jaafar (11 Mei 1946-26 Ogos 1951), YTM Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj (26 Ogos 1951-24 Januari 1971), Tun Haji Abdul Razak bin Hussein (24 Januari 1971-14 Januari 1976), Tun Hussein bin Onn (14 Januari 1976-28 Jun 1981), Tun Dr.Mahathir bin Mohamad (28 Jun 1981-30 Oktober 2003), Tun Haji Abdullah bin Haji Ahmad Badawi (30 Oktober 2003-28 Mac 2009) dan Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak (28 Mac 2009-kini).

¹⁰² Memorandum PAS melalui Prof. Dr. Zulkifli Muhammad kepada Suruhanjaya Lord Reid pada Lampiran 18.

¹⁰³ Mohd Amin Yaakub, *op.cit.*, hlm 12.

Hasrat ini jelas terkandung dalam memorandum dan ucapan Prof. Zulkifli Muhammad menunjukkan PAS mempunyai komitmen cukup tinggi dan terlebih dahulu menuntut kemerdekaan daripada penjajah berbanding UMNO. PAS Kelantan sememangnya tidak sebulu dengan golongan yang anti-kemerdekaan sebagaimana yang dipelopori oleh Parti Negara (PN) dan juga Persatuan Melayu Kelantan (PMK) yang diketuai Nik Mahmood bin Haji Abdul Majid dan lain-lain tokoh Melayu. Perkara ini dapat dibuktikan melalui surat¹⁰⁴ yang dihantar oleh PMK kepada Setiausaha Tanah Jajahan British iaitu Sir Alan Lennox Boyd di London yang bertarikh 12hb November 1955. Menurut Mohd Amin Yaakub;

“...Mungkin mereka yang menuduh kononnya PAS menentang kemerdekaan adalah mereka yang terkeliru dengan sikap penjajah. Sedangkan PAS tetap dengan perjuangan menentang penjajahan dan menuntut kemerdekaan bagi melaksanakan syariat Islam kerana selagi negara ini dijajah oleh British, maka selama itulah syariat Islam tidak dapat dilaksanakan...”¹⁰⁵

Semenjak daripada itulah, PAS muncul di persada politik Tanah Melayu sebagai pertubuhan politik Islam dalam memperjuangkan kemerdekaan negara. Hal ini dizahirkan melalui penyertaannya dalam pilihan raya pertama pada tahun 1955.¹⁰⁶ PAS sebagai sebuah parti yang melaksanakan perjuangan Islam sebenarnya adalah tergolong dalam kategori *harakah Islamiyah*.¹⁰⁷ PAS menolak kerakyatan *jus soli*¹⁰⁸ yang merugikan

¹⁰⁴ Lihat Surat PMK pada Lampiran 17.

¹⁰⁵ Mohd Amin Yaakub, *op.cit.*, hlm 12.

¹⁰⁶ PAS berhadapan dengan parti Perikatan yang terdiri daripada UMNO-MCA-MIC yang ditubuhkan untuk menghadapi pilihan raya pada tahun 1955 ini. Sebelum ini wujud juga Perikatan yang hanya terdiri daripada UMNO-MIC yang dibentuk pada tahun 1952 untuk menghadapi pilihan raya Perbandaran Kuala Lumpur. Keterangan lanjut sila rujuk Ariffin Omar, 2005. *Dari Malayan Union ke 13 Mei*, dlm Abdul Rahman Haji Ismail (peny), *op.cit.*, hlm 334.

¹⁰⁷ *Harakah Islamiyah* adalah merujuk kepada gerakan, parti, pergerakan politik Islam berteraskan *siasah as-syar'iyah* atau usaha-usaha bersatu untuk mencapai kuasa dan pelaksanaan syari'at Islam.

¹⁰⁸ Prinsip *Jus Soli* bermaksud dasar memberikan kerakyatan kepada bukan Melayu melalui gagasan *Malayan Union* yang mana taraf kerakyatan kepada sesiapa sahaja yang dilahirkan di Tanah Melayu yang hendak menjadi rakyat negeri ini hendaklah dengan permintaan diluluskan oleh undang-undang yang mengawal keselamatan yang wujudnya bangsa Melayu dan dicurahkan dengan orang-orang dagang ke negeri ini oleh 'open